



**KENYATAAN MEDIA
KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA**

**SAMBUTAN HARI SEDUNIA BAGI KESELAMATAN DAN KESIHATAN
DI TEMPAT KERJA (WORLD OSH DAY) 2018**

Maran, 5 Mei – YB Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib, Timbalan Menteri Sumber Manusia telah merasmikan Sambutan Hari Sedunia bagi Keselamatan dan Kesihatan di Tempat Kerja (World OSH Day) 2018 di Dewan Arena Chenor, Pahang.

Hari Sedunia bagi Keselamatan dan Kesihatan di Tempat Kerja (World OSH Day) disambut setiap tahun pada 28 April bagi mengenang kembali mangsa-mangsa yang terlibat dengan kemalangan dan penyakit pekerjaan selain mempromosikan budaya pencegahan kemalangan dan penyakit pekerjaan di tempat kerja. Tema sambutan pada tahun ini adalah "*Generation Safe and Healthy*" atau "Generasi Selamat dan Sihat".

Beliau memaklumkan dalam usaha Kerajaan mewujudkan generasi selamat dan sihat, pihak JKKP telah menjalankan program seperti OSH4U iaitu program kesedaran dan pendedahan KKP kepada Mahasiswa di Institusi Pengajian Tinggi dan juga OSH@TVET khusus untuk pelajar bidang vokasional dan teknikal. Program ini bertujuan memberi pendedahan awal kepada para pelajar mengenai aspek keselamatan dan kesihatan pekerjaan.

Dalam perkembangan lain, beliau memaklumkan pada tahun 2017, Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) telah menjalankan sebanyak lebih kurang 269,877 pemeriksaan ke atas tempat kerja dan jentera. Berdasarkan jumlah tersebut, sebanyak 23,006 notis telah dikeluarkan, 1,028 kesalahan dikeluarkan kompaun dan sebanyak 324 kes didakwa atas kesalahan berkaitan keselamatan dan kesihatan di tempat kerja.

Majlis turut dihadiri oleh YBhg Dato' Dr. Mohd Gazali bin Abas, Ketua Setiausaha Kementerian Sumber Manusia, Ir. Hj Omar bin Mat Piah, Ketua Pengarah Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan dan Pengurusan Tertinggi Kementerian Sumber Manusia.

###

**Dikeluarkan oleh:
Unit Komunikasi Korporat
Kementerian Sumber Manusia
5 Mei 2018**